

1. PENDAHULUAN

Saya mulakan ucapan Bajet Tahun 2017 pada pagi ini dengan menyebut kalimah mulia Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum w.b.t,

- 1.1 Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana atas limpah kurnia, rahmat serta izin-Nya yang membolehkan kita berkumpul pada hari ini untuk saya membentangkan Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi tahun 2017.

- 1.2 Penyediaan Bajet 2017 bermula dengan perbincangan secara terperinci di antara Ketua Jabatan, pegawai-pegawai Majlis bersama dengan Timbalan Datuk Bandar pada 8 hingga 12 Ogos 2016. Seterusnya, Dialog Bajet 2017 bersama Ahli Majlis telah diadakan pada 9 September 2016. Manakala perbincangan di antara Ahli Majlis dan jabatan teknikal pula telah diadakan pada 14 September 2016. Satu sesi dialog juga telah diadakan bersama Persatuan Penduduk, Persatuan Rukun Tetangga, NGO dan Persatuan Peniaga-Peniaga pada 19 September 2016 untuk memberi input/ pandanganke atas cadangan Bajet 2017 selaras dengan program Local Agenda 21 Petaling Jaya. Cadangan Bajet 2017 juga telah sekali lagi dibincangkan bersama Ahli Majlis di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan (Bajet 2017) pada 27 September 2016. Oleh itu, cadangan bajet 2017 ini telah disediakan dengan begitu teliti dan

telah mengambilkira pandangan dan permintaan semua pihak. Justeru pada hari ini, saya membentangkan Bajet 2017 untuk kelulusan Majlis sebelum ia dibawa ke peringkat Kerajaan Negeri Selangor untuk kelulusan.

- 1.3 Penyediaan bajet kerajaan boleh disediakan melalui tiga jenis pendekatan bergantung kepada kemampuan kewangan badan kerajaan tersebut samada secara bajet berimbang (*balanced*) di mana hasil adalah seimbang dengan perbelanjaan, atau bajet lebihan (*surplus*) di mana hasil melebihi perbelanjaan ataupun bajet kurangan (*deficit*) di mana perbelanjaan melebihi jumlah hasil. Dengan mempunyai kedudukan rizab kewangan yang kukuh, pada tahun 2017, Majlis menyediakan bajet *defisit* kerana matlamat Majlis adalah untuk melaksanakan pembangunan bagi memastikan perkhidmatan terbaik dan keselesaan dapat diberikan kepada penduduk.

- 1.4 Majlis juga amat telus (*transparent*) kepada masyarakat Petaling Jaya di dalam menguruskan kewangannya. Justeru itu, kedudukan kewangan Majlis sentiasa dimaklumkan kepada masyarakat Petaling Jaya. Melalui penyediaan bajet *defisit*, Majlis akan menggunakan rizab pada tahap yang paling optimum. Jika pada tahun 2016, Majlis menyediakan bajet berdasarkan kemampuan kerja pegawai dan kakitangan, sebaliknya, pada tahun 2017, Majlis akan menyediakan bajet berdasarkan permohonan yang diluluskan yang dikemukakan oleh ADUN, Ahli Majlis maupun penduduk. Oleh itu pegawai dan kakitangan Majlis telah diberi

amanat supaya melaksanakan kerja sebaik mungkin dan menyusun semula proses kerja mereka agar segala permohonan yang dibangkitkan oleh penduduk mesti dilaksanakan dan dapat diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2017.

- 1.5 Tahun 2017 juga menuntut perbelanjaan yang lebih besar berbanding tahun 2016 kerana pada tahun 2017 Majlis akan melaksanakan dan meneruskan pelbagai aktiviti dan kerja-kerja pembangunan bagi memberi kesejahteraan kepada penduduk. Bagi memastikan pelbagai aktiviti dan pembangunan yang telah dirancang tercapai, semua jabatan di Majlis perlusaling bekerjasama dan bekerja secara berpasukan supaya kerja dapat disempurnakan sebaiknya dan impaknya dapat dimanfaatkan oleh penduduk.
- 1.6 Penyelenggaraan kemudahan awam secara berkala dan berterusan amat perlu bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat. Penyelenggaraan yang teratur juga mampu menjimatkan kos dan boleh memanjangkan tempoh usia guna kemudahan tersebut. Tahap penyelenggaraan yang rendah akan menyebabkan infrastruktur dan fasiliti mengalami kerosakan seperti kebocoran, keruntuhan dan keretakan yang boleh mengancam nyawa. Ia sekaligus boleh menjelaskan kepercayaan rakyat khususnya kepada pembayar cukai Majlis. Justeru pada tahun 2017 Majlis akan memberi keutamaan kepada kerja-kerja menaiktaraf kemudahan awam dan riadah.

- 1.7 Perkhidmatan asas seperti perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam khususnya pembersihan longkang dan pemotongan rumput akan dipertingkatkan dan diberi keutamaan sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat Petaling Jaya. Sehubungan itu, proses pemilihan dan keupayaan kontraktor akan dinilai dengan lebih teliti dan terperinci. Ini bagi mempastikan kontraktor yang dilantik mempunyai keupayaan, pengalaman, kepakaran dan kemampuan yang kukuh bagi melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin. Disamping itu perlaksanaan kerja oleh kontraktor yang telah dilantik juga akan dipantau dengan teliti dan serius.

- 1.8 Justeru, dalam penyediaan Bajet 2017, Majlis akan memberi tumpuan kepada iltizam untuk melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf, meningkatkan kualiti perkhidmatan pembersihan dan meningkatkan penyelenggaraan kemudahan awam dan riadah dengan memberi fokus kepada kerja-kerja menaiktaraf dewan-dewan di seluruh Petaling Jaya, menaiktaraf padang-padang, menaiktaraf infrastruktur seperti jalan dan saliran serta meningkatkan program penghijauan bandar melalui program penyelenggaraan landskap.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

2. TEMA BAJET 2017

- 2.1 Bajet 2017 memfokuskan untuk menjadikan kawasan pentadbiran Majlis sebuah bandaraya lestari dan berdayahuni dengan imej dan urustadbir baik serta persekitaran yang harmoni dan sejahtera. Pada tahun 2017,Majlis akan memberi fokus kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kepada semua komuniti samada komuniti industri, komuniti penduduk, komuniti peniaga dan seluruh warga Petaling Jaya. Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran dan tebatan banjir, menaiktaraf kemudahan awam dan riadah,menaiktaraf dan menyelenggara infrastruktur, meningkatkan perkhidmatan pembersihan alam sekitar serta program penghijauan Petaling Jaya akan diteruskan. Majlis juga akan memberi fokus terhadap isu keselamatan, lalulintas, kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU) dan mempertingkatkan kualiti penguatkuasaan undang-undang serta memastikan pertumbuhan ekonomi masyarakat Petaling Jayaterjamin dan mendapat pembelaan sewajarnya ekoran peningkatan taraf hidup pada masa sekarang.
- 2.2 Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada tahun 2017 adalah bertemakan '**PJ SEJAHTERA**'.Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk meringankan beban rakyat dengan menumpukan kepada perbelanjaan pembangunan yang lebih memberi

manfaat dan menyelesaikan masalah penduduk. Tema bajet 2017 juga adalah seiring dengan matlamat pembangunan lestari iaitu pembangunan yang dijalankan secara terancang dan berterusan serta tidak menjaskan keadaan alam sekitar, bukan sahaja untuk generasi semasa, malah untuk generasi akan datang.

- 2.3 Berdasarkan tema ini, Petaling Jaya akan dibangunkan berteraskan prinsip-prinsip keselamatan dan kesempurnaan, kemeriahan(*vibrant*), berdaya huni, rekabentuk sejagat (*universal design*), ‘*value for money*’, kemudahsampaian, penyediaan perkhidmatan mampu bayar dan efisyen selaras dengan wawasan ‘*PJ Sustainable 2030*’.
- 2.4 Cadangan Bajet 2017 yang disediakan adalah merupakan bajet defisit. Ini bermakna jumlah perbelanjaan yang dicadangkan adalah MELEBIHI jangkaan hasil yang akan dikutip. Peratus defisit yang dicadangkan adalah lebih tinggi berbanding tahun 2016 iaitu daripada 11.19% atau RM39.98 juta kepada 21.36% atau RM84.40 juta.
- 2.5 Defisit sebanyak RM84.40 juta ini merupakan angka yang paling maksimum yang mampu ditampung oleh Majlis. Majlis telah menetapkan siling bagi menampung defisit tersebut berlandaskan dua kemampuan utama Majlis iaitu kedudukan rizab yang sangat kukuh dan kemampuan pegawai dan kakitangan Majlis melaksanakan kerja. Tidak dinafikan, Bajet 2017 mencadangkan jumlah perbelanjaan yang besar, tetapi dengan kerjasama semua pihak termasuk Ahli Majlis dan cara

kerja yang lebih sistematik, Majlis yakin cadangan penggunaan wang rizab ini tidak akan menjaskasikan kedudukan kewangan Majlis bagi tempoh yang akan datang. Penyediaan bajet defisit dicadangkan bagi memenuhi harapan rakyat untuk menikmati impak daripada pembangunan yang akan dilaksanakan di samping komitmen Majlis sebagai pihak berkuasa tempatan yang bersungguh-sungguh ingin memberikan perkhidmatanterbaik dan pembangunan lestari kepada penduduk Petaling Jaya.

3. FOKUS BAJET 2017

- 3.1 Penyediaan Bajettahun 2017 adalah memberi fokus kepada kategori Perbelanjaan Pembangunan yang akan memberi faedah dan kebaikan kepada penduduk Petaling Jaya. Mulai tahun 2017 Majlis telah mengkategorikan semua perbelanjaan yang memberi manfaat kepada masyarakatdi bawah belanja pembangunan. Ini selaras dengan pekeliling baru yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di mana perbelanjaan pembangunan adalah merupakan perbelanjaan yang faedahnya dapat dinikmati oleh semua komuniti di dalam masyarakat Petaling Jaya . Ia meliputi belanja pembangunan baru, menaiktaraf, membina semula, menyelenggara, kos pembersihan, pembelian aset dan bantuan kepada penduduk.

- 3.2 Untuk tujuan pembangunan Petaling Jaya, sukacita saya memaklumkan bahawa sebanyak RM 139.88 juta telah disediakan di

bawah Perbelanjaan Pembangunan tahun 2017. Jumlah ini agak besar berbanding angka tahun 2016 sebanyak RM 61.34 juta sahaja. Saya berharap peruntukan ini akan dapat dibelanjakan sepenuhnya pada tahun hadapan dan impaknya dapat dinikmati oleh penduduk Petaling Jaya selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor yang peduli rakyat.

3.3 Fokus Bajet tahun 2017 Majlis adalah untuk memberi keutamaan kepada pembangunan seperti berikut :-

- 3.3.1 Menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan awam
- 3.3.2 Menaiktaraf landskap dan kemudahan riadah yang hijau dan mesra alam
- 3.3.3 Meningkatkan kualiti kebersihan bandar dan kesihatan penduduk
- 3.3.4 Mempertingkatkan keselamatan dan sosial

3.3.1 Menaiktaraf Infrastruktur Dan Kemudahan Awam.

Penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Dan Lalulintas telah disediakan pada tahun 2016 bagi mewujudkan perancangan pengangkutan lestari. Langkah bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas melalui pendekatan pengangkutan awam telah, sedang dan akan diteruskan pada tahun 2017. Sistem Perancangan Pengangkutan Petaling Jaya menjelang tahun 2030 akan dilaksanakan secara bersepadu dengan perancangan gunatanah bagi mencapai kemudahsampaian dan

keselesaan kepada penduduk dengan kos yang minima. Rangkaian pengangkutan yang sistematik akan menyokong pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan populasi dan kepelbagaian aktiviti Bandaraya Petaling Jaya.

Pada tahun 2017 Majlis akan menumpukan kepada pembangunan infrastruktur dan utiliti hijau seperti pengurusan sistem saliran yang mesra alam dan pada masa yang sama mengurangkan impak pembangunan dengan meminimumkan pencemaran alam sekitar serta menaiktaraf kemudahan awam seperti menaiktaraf padang dan dewan-dewan, menaiktaraf kemudahan perniagaan seperti pasar dan gerai, menaiktaraf tempat letak kereta dan lain-lain.

Program utama yang akan diberi perhatian adalah :

- a. Cadangan tebatan banjir dan menaiktaraf sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir kilat di Petaling Jaya.
- b. Menaiktaraf lampu-lampu jalan dan lampu isyarat di sekitar Petaling Jaya.
- c. Membaiki siar kaki dan bebendul jalan.
- d. Menaiktaraf tempat letak kereta dan perhentian bas
- e. Menaiktaraf kemudahan perniagaan seperti pasar dan gerai.

Sehubungan dengan itu, peruntukan bagi pembangunan dan penyelenggaraan projek saliran, laluan pejalan kaki, menaiktaraf lampu jalan dan menaiktaraf kemudahan lain di seluruh kawasan Petaling Jaya telah disediakan seperti berikut:-

Bil.	Butiran	2017 (RM)
1	Penyelenggaraan Saliran	16,166,000
2	Menaiktaraf Dewan	11,000,000
3	Membaiki Tapak Siar Kaki, Bebendul (Berjadual)	5,000,000
4	Menaiktaraf Lampu Jalan, Lampu Isyarat dan Kerja Berkaitan Taman	4,720,000
5	Menurap Jalan	2,700,000
6	Menaiktaraf Gerai dan Pasar	2,700,010
7	Menaiktaraf Tempat Letak Kereta	2,219,900
8	Membina, Menaiktaraf Perhentian Bas Dan Perteduhan Bas	2,050,000
9	Penyelenggaraan & Menaiktaraf Cerun	1,400,000
10	Sistem Pengurusan Aset Jalan	1,000,000
Jumlah		48,955,910

3.3.2 Menaiktaraf Lanskap Dan Kemudahan Riadah Yang Hijau Dan Mesra Alam.

Penyelenggaraan lanskap yang berkesan akan memberi impak dan mempengaruhi imej Majlis dalam usaha menjadikan Petaling Jaya Bandaraya hijau dan Bandar Berkarbon Rendah. Selaras dengan itu, Majlis akan memastikan sekurang-kurangnya satu kontraktor dilantik untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan lanskap bagi setiap Zon Ahli Majlis. Oleh itu sejumlah RM18juta diperuntukkan pada tahun 2017 berbanding RM15 juta pada tahun 2016. Kenaikan peruntukan sebanyak RM 3 juta pada tahun 2017 adalah bagi membiayai kos

penyelenggaraan landskap yang dijangka akan dapat memelihara kehijauan bandar, iaitu melalui kerja-kerja penyelenggaraan, penyulaman dan penanaman pokok-pokok baru di kawasan-kawasan lapang yang bersesuaian. Selain itu, program ini juga akan memastikan tempat-tempat rekreasi sentiasa kelihatan indah dan selesa untuk dikunjungi.

Penyediaan perabot landskap di semua kawasan lapang untuk mempastikan padang permainan serta kemudahan padang sukan yang selamat dan berfungsi juga akan diberikan penekanan dengan memperuntukkan sejumlah RM3.2 juta pada tahun 2017 berbanding RM1.65 juta sahaja pada tahun 2016.

Selain itu, matlamat menaiktaraf landskap adalah untuk memberi tumpuan kepada projek yang bermanfaat kepada penduduk. Bagi menggalakkan budaya hidup sihat, program menyediakan kemudahan kepada penduduk setempat beriadah di kawasan kediaman mereka akan diberikan tumpuan. Pada tahun 2016, sebanyak 41 kawasan lapang termasuk Padang Cergas sedang disiapkan. Manakala, pada tahun 2017 pula, tambahan sebanyak 24 buah Padang Cergas lagi akan disiapkan. Untuk tujuan tersebut, peruntukan perbelanjaan RM3.72 juta telah disediakan untuk membiayai kos menaiktaraf 24 buah Padang Cergas di seluruh Petaling Jaya. Disamping itu juga, sebanyak 3 buah padang yang berada di Padang Utara, Petaling Jaya akan dinaiktaraf dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Manakala sebanyak RM500,000 diperuntukkan untuk kerja-kerja landskap di sekitar Astaka,

Petaling Jayaselaras dengan program Pembangunan KoridorHijaubagi menjadikan kawasan berkenaankelihatan menarik dan boleh digunakan oleh penduduk Petaling Jaya.

Bagi menyemai pembudayaan landskap di Petaling Jaya, penglibatan rakyat di dalam aktiviti landskap bukanlah sesuatu yang baru.Pada tahun 2017, peruntukan sebanyak RM350,000yang disediakan dijangka dapat memacu kesedaran dan minat penduduk untuk memanfaatkan kawasan-kawasan terbiar di sekitar kawasan mereka untuk dijadikan Kebun Komuniti. Projek ini bukan sahaja menggalakkan aktiviti riadah di waktu senggang, tetapi juga memberi ruang untuk mereka mengukuhkan silaturrahim sesama jiran serta meraih hasil daripadaaktiviti penanaman yang dilakukan.Secara tidak langsung, iniakan mengurangkan kos perbelanjaanharian bagi mereka yang kurang berkemampuan.

Bagi membayai semua kos pembangunan seperti di atas, pada tahun 2017, secara keseluruhannya Majlis telah memperuntukkansebanyak RM34.6 juta bagi kerja-kerja menaiktaraf landskap dan kemudahan riadah yang hijau dan mesra alamseperti berikut:-

Bil.	Butiran	2017 (RM)
1	Penyelenggaraan Lanskap	18,000,000
2	Menaiktaraf Taman Awam, Kawasan Lapang dan Padang	8,710,020
3	Penyelenggaraan Padang Sukan	3,200,000
4	Menaiktaraf Kompleks Sukan	2,750,000
5	Rawatan Air Tasik	700,000
6	Program Penghijauan	500,000
7	Penyelenggaraan & Penambahbaikan Hutan Pendidikan Bukit Gasing	400,000
8	Pembudayaan Lanskap	350,000
Jumlah		34,610,020

3.3.3 Meningkatkan Kualiti Kebersihan Bandar Dan Kesihatan Penduduk.

Bajet 2017 akan terus memfokuskan ke arah mewujudkan PJ Bersih di mana perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam khususnya pembersihan saliran dan pemotongan rumput akan diberi keutamaan. Sehubungan itu, pelaksanaan kerja oleh kontraktor yang telah dilantik akan dipantau dengan teliti supaya mematuhi spesifikasi dan standard kerja yang telah ditetapkan.

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam pada tahun 2017, Majlis akan melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:-

- a) Memperuntukkan RM7 juta bagi pembelian tong sampah untuk diedarkan kepada pemilik rumah demi memudahkan carakan sistem pengutipansampah oleh kontraktor secara “*door to door*”.
- b) Mengubah imej kemudahan tempat pembuangan sampah termasuk kebuk sampah atau tong sampah di mana melalui program kitar semula 3R, tempat pembuangan sampah berpusat akan direkabentuk semula kepada tempat pembuangan sampah yang lebih kemas dan bersih. Langkah ini diharap akan dapat mengikis persepsi negatif masyarakat terhadap tempat pembuangan sampah.
- c) Seiring dengan konsep Local Agenda 21 Petaling Jaya yang menekankan kepada rakan perkongsian atau penyertaan awam, Majlis juga bercadang melantik Duta PJ Bersih di 15 kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan yang menghadapi masalah pengurusan sampah dan pembersihan. Duta ini berperanan meningkatkan kesedaran awam dan mendidik warga tempatansupaya menjalankan aktiviti pelupusan sampah secara lebih beretika.

- d) Kempen projek pengasingan sampahdi kawasan perumahan bagi tujuan kitar semula akan terus dilaksanakan pada tahun 2017. Pada tahun 2016 sebanyak 754 unit rumah telah menyertai kempen ini. Dijangkakan bilangan penyertaan akan bertambah pada tahun 2017.
- e) Bagi meningkatkan lagi profesionalisma kontraktor dan pekerja pembersihan awam, kursus dan latihan kemahiran akan diadakan secara berkala. Majlis telah memperuntukkan bajet yang mencukupi bagi melatih pekerja dan penyelia kontraktor kerja-kerja pembersihan awam pada tahun 2017.
- f) Bagi memperkasakan lagi kedudukan Majlis sebagai PBT peneraju dalam inisiatif bandaraya berkarbon rendah, Skim Rebat Cukai Taksiran akan diteruskan pada tahun 2017. Langkah ini bertujuan untuk memberi galakan kepada penduduk Petaling Jaya supaya mewujudkan kawasan persekitaran hijau selaras dengan amalan gaya hidup hijau. Di samping itu, tawaran perkhidmatan tempat letak kereta secara percuma selama 1 tahun akan diberikan kepada pembeli kereta *hybrid* dan elektrik dari pusat-pusat jualan kenderaan di sekitar Petaling Jaya. Pemasangan lampu LED di lorong-lorong belakang rumah juga akan diteruskan pada tahun 2017.

Sehubungan dengan itu, bagi merealisasikan fokus Majlis untuk meningkatkan kualiti kebersihan dan kesihatan di Petaling Jaya sebanyak RM 74.13 juta telah disediakan untuk membiayai perbelanjaan berikut:-

Bil.	Butiran	2017 (RM)
1	Pembersihan Awam	44,546,500
2	Bayaran Kutipan Sisa Pepejal dan Caj Pelupusan Sampah	20,550,500
3	Pembelian Tong Sampah	7,002,500
4	Pembelian Mesin “Food Composter”	850,000
5	Menaiktaraf Kebuk Sampah	760,000
6	Pembelian Tong Kitar Semula	120,000
7	Perangkap Minyak di Pusat Penjaja dan Gerai Majlis	100,000
8	Kontrak Potong Rumput – Tanah/Rumah Kosong	100,000
9	Program Kempen Kesihatan	100,000
Jumlah		74,129,500

3.3.4 Mempertingkatkan Keselamatan Bandar Dan Sosial.

Sebagai Bandaraya peneraju, dinamik dan lestari, Majlis bercita-cita meningkatkan keselamatan Bandaraya Petaling Jaya menjelang tahun 2030. Untuk mencapai matlamat ini Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan ***Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya 2015-2020***. Pelan induk keselamatan ini merangkumi aspek keselamatan secara menyeluruh iaitu Keselamatan Persekutaran, Keselamatan Infrastruktur, Keselamatan Digital dan Pengurusan Keselamatan/ Penguatkuasaan.

Bagi tujuan ini, Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM756,500 untuk melaksanakan beberapa tindakan dan strategi di bawah Pelan Induk Keselamatan terutamanya dari aspek keselamatan persekitaran. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM500,000 akan digunakan bagi penyediaan tempat letak motosikal berkunci, pemasangan papan tanda peringatan jenayah di kawasan-kawasan hotspot, meningkatkan pencahayaan di kawasan gelap, memasang ‘pedestrian railing’ bagi mengurangkan risiko jenayah rugut di laluan pejalan kaki dan lain-lain projek fizikal bagi meningkatkan keselamatan.

Selaras dengan penubuhan Unit Audit Keselamatan MBPJ, Majlis juga akan melantik Perunding yang pakar dan berkaliber dalam aspek ‘Safety, Healthy & Environment’ (SHE) OSHA 1994 bagi membantu Majlis dalam melaksanakan audit keselamatan bagi projek-projek pembangunan dan infrastruktur di Petaling Jaya. Unit Audit Keselamatan ini menjalankan tugas-tugas audit bagi aspek keselamatan projek-projek pembangunan dan infrastruktur seperti jalanraya, laluan pejalan kaki, laluan basikal, penanaman pokok dan landskap, pemasangan CCTV, pencahayaan, keselamatan tempat letak kenderaan dan rekabentuk bangunan.

Selain itu, Majlis juga telah merangka pelbagai inisiatif untuk mempertingkat dan memperkasakan **Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ)** di kawasan Petaling Jaya bagi tahun 2017.

Program ini telah bermula sejak tahun 2015 di mana Majlis telah menghulurkan sumbangan sebanyak RM5,000 setahun kepada persatuan penduduk, rukun tetangga dan badan pengurusan bersama yang aktif mengadakan program PKKPJ di kawasan komuniti masing-masing. Sumbangan ini kemudiannya telah ditambah kepada RM 6,000 setahun pada tahun 2016. Sehingga kini sebanyak 64 persatuan penduduk, 34 rukun tetangga dan 16 badan pengurusan bersama telah menerima sumbangan tersebut. Bagi meneruskan aktiviti ini, pada tahun 2017 peruntukan sebanyak RM 900,000 telahpun disediakan. Untuk itu saya menyeru kepada persatuan penduduk atau rukun tetangga yang belum menerima sumbangan agar dapat segera menubuhkan PKKPJ di kawasan masing-masing.

Bagi menambahbaik PKKPJ ini, Majlis akan menyediakan sistem pelaporan Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jayase secara *online* bagi memudahkan komuniti dan Majlis menghantar dan menerima laporan aktiviti serta membuat semakan permohonan aktiviti. Melalui sistem ini juga, pihak Majlis akan mengemaskini sebarang informasi berkaitan aktiviti komuniti seperti program keselamatan dengan lebih lengkap, cepat dan efektif.

Bagi mewujudkan suasana dan persekitaran yang selamat dan sejahtera, bersatu padu, berbudaya penyayang, saling berinteraksi dan peka terhadap keperluan golongan tua, kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU), Majlis akan memastikan semua bangunan kemudahan awam yang akan dinaiktaraf adalah mesra pengguna, mesra OKU dan selamat kepada semua golongan masyarakat.

Oleh itu, pada tahun 2017, Majlis telah memperuntukkan RM5.9 juta bagi mempertingkatkan keselamatan dan sosial di Petaling Jaya seperti berikut:-

Bil.	Butiran	2017 (RM)
1	Program Keselamatan Penduduk Dan Lain-Lain Aktiviti Yang Berkaitan	900,000
2	Pembelian CCTV	765,000
3	Program Bandar Selamat	756,500
4	Menaiktaraf Sistem Kawalan Berpusat Dan Pengurusan Lampu Jalan	500,000
5	Kempen Program-Program Majlis	396,000
6	Menaiktaraf Peralatan Trafik ‘Management Centre’	370,000
7	Kemudahan Pemasangan Lampu Elektrik	350,000
8	Program Membasmi Kemiskinan Bandar	289,000
9	Program Menaiktaraf Kualiti Hidup Rakyat Di Petaling Jaya	250,000
10	Pertandingan Kawasan Kejiranan Terbaik	245,000
11	Kempen Local Agenda 21 PJ	242,000
12	Program Pengindahan Lorong Belakang	230,000
13	Program Bandar Bebas Halangan Di Petaling Jaya	200,000
14	Program Bangunan Ceria	145,000
15	Aktiviti Sosial	107,000
16	Aktiviti Mesra Rakyat	105,000
17	Aktiviti Orang Kurang Upaya	50,000
Jumlah		5,900,500

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

4. STRATEGI BAJET 2017

Bajet Majlis bagi tahun 2017 telah dirangka berdasarkan strategi berikut :-

- 4.1 Anggaran Hasil Cukai Taksiran adalah dikira berdasarkan kepada bilangan pegangan harta yang aktif pada tahun 2016, tambahan pegangan harta baru pada tahun 2017 kesan daripada pembangunan semasa dan kenaikan nilai tahunan kesan daripada pengubahsuaian hartanah berdasarkan tambahan keluasan dan kegunaan ruang lantai. Untuk tujuan perkiraan cukai taksiran dimaklumkan bahawa **nilai tahunan dan kadar cukai taksiran semasa adalah dikekalkan dan tidak berubah.**
- 4.2 Hasil Bukan Cukai pula dianggarkan berdasarkan kepada punca hasil sedia ada. Majlis dijangka akan dapat meningkatkan kutipan daripada beberapa punca hasil bukan cukai seperti sewaan, lesen, denda dan kompaun. Walaubagaimanapun suacita juga dimaklumkan bahawa **fee dan caj yang dikenakan adalah sama seperti tahun 2016.**
- 4.3 Perbelanjaan Mengurus telah disediakan mengikut kaedah **“Modified Budgeting Systems” atau MBS.** Kelulusan bagi Dasar Sediada adalah tertakluk kepada batas yang ditetapkan manakala

kelulusan Dasar baru adalah bergantung kepada keperluan dan keadaan semasa.

- 4.4 Anggaran belanja pembangunan telah disediakan bagi memenuhi keperluan dan kehendak penduduk. Peningkatan ketara bagi perbelanjaan pembangunan sebahagian daripadanya berpunca daripada pengelasan semula kategori belanja mengurus bagi aktiviti penyelenggaraan, pemilikan aset dan perbelanjaan lain yang memberi manfaat kepada penduduk yang sebelum ini dikategorikan di bawah belanja mengurus kini telah dikategorikan di bawah belanja pembangunan.

Ahli-Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya,

5. CADANGAN BAJET 2017

- 5.1 Cadangan Bajet 2017 adalah seperti berikut:

Butiran	2016 RM	2017 RM	Tambah/ (Kurangan)	
			RM	%
Hasil	357,182,570	395,086,600	37,904,030	10.61
Perbelanjaan Mengurus	335,826,790	339,604,490	3,777,700	1.12
Perbelanjaan Pembangunan	61,339,110	139,883,960	78,544,850	128.05
Jumlah Perbelanjaan	397,165,900	479,488,450	82,322,550	20.73
(Defisit)	(39,983,330)	(84,401,850)		
Peratusan	-11.19%	-21.36%		

- 5.2 Jumlah anggaran hasil Majlis untuk tahun 2017 bertambah sebanyak RM37,904,030 atau 10.61% berbanding hasil tahun 2016, iaitu peningkatan daripada RM357,182,570 kepada RM395,086,600.
- 5.3 Berkenaan perbelanjaan pula, jumlah anggaran perbelanjaan Majlis bagi tahun 2017 ialah sebanyak RM479,488,450 berbanding dengan anggaran tahun 2016 yang berjumlah RM397,165,900. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM82,322,550 atau 20.73%.
- 5.4 Peratusan pecahan perbelanjaan tahun 2017 mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kategori Perbelanjaan	2017 RM	Peratus Perbelanjaan (%)
Perbelanjaan Mengurus	339,604,490	70.83
Perbelanjaan Pembangunan	139,883,960	29.17
Jumlah Perbelanjaan	479,488,450	100.00

6. HASIL

- 6.1 Punca hasil Majlis adalah seperti berikut:

Butiran	2016 RM	2017 RM	Tambahan	
			RM	%
Hasil Cukai	240,000,000	248,000,000	8,000,000	3.33
Hasil Bukan Cukai	108,569,670	119,938,700	11,369,030	10.47
Terimaan Bukan Hasil	8,612,900	27,147,900	18,535,000	215.20
Jumlah	357,182,570	395,086,600	37,904,030	10.61

6.2 Hasil Cukai

6.2.1 Majlis menganggarkan kutipan Hasil Cukai Taksiran akan meningkat sebanyak RM8 juta atau 3.33% pada tahun 2017. Anggaran hasil cukai adalah berdasarkan bilangan pegangan aktif pada tahun 2016, pertambahan bilangan pegangan harta barudan juga pindaan nilai tahunan kerana pengubahsuaian hartanah serta pertambahan keluasan dan kegunaan ruang lantai. Setelah mengambilkira faktor tersebut Majlis mencadangkan anggaran hasil kutipan cukai taksiran bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM248juta berbanding RM240juta pada tahun 2016. Sukacita saya mengistiharkan bahawa **Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak akan menaikan kadar cukai taksiran pada tahun 2017. Ini bermakna kadar cukai taksiran bagi tahun 2017 adalah dikekalkan sama seperti tahun 2016.**

6.3 Hasil Bukan Cukai

6.3.1 Hasil Bukan Cukai yang dijangka akan dikutip pada tahun 2017 adalah sebanyak RM119,938,700 dengan peningkatan sebanyak RM11,369,030 atau 10.47% berbanding tahun 2016 sebanyak RM108,569,670.

6.3.2 Perincian Hasil Bukan Cukai adalah seperti berikut:-

Butiran	2016 RM	2017 RM	Tambahan/ (Kurangan)	
			RM	%
Lesen & Permit	28,868,170	29,754,310	886,140	3.07
Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan	28,103,270	27,676,190	(427,080)	(1.52)
Jualan Barang-Barang	1,509,600	1,763,500	253,900	16.82
Sewaan	14,619,400	21,445,480	6,826,080	46.69
Keuntungan & Perolehan Dari Pelaburan	21,042,720	21,043,420	700	-
Denda & Kompaun	14,425,510	18,254,800	3,829,290	26.55
Sumbangan Negeri & Tempatan	1,000	1,000	-	-
Jumlah	108,569,670	119,938,700	11,369,030	10.47

6.3.3 Peningkatan ketara punca hasil bukan cukai adalah daripada peningkatan hasil sewaan sebanyak RM 6.83 juta, peningkatan hasil denda dan kompaun sebanyak RM3.83 juta, peningkatan hasil lesen sebanyak RM0.89 juta dan peningkatan hasil jualan barang-barang sebanyak RM0.25 juta .

6.3.4 Hasil sewaan sebanyak RM 4.4juta daripada sewa iklan dalaman dan luaran bas dan iklan di perhentian bas merupakan punca hasil baru yang dijangka diperolehi pada tahun 2017. Selain itu hasil sewaan tong sampah bagi melupuskan bahan binaan juga merupakan hasil sewaan tambahan pada tahun 2017.

6.4 Terimaan Bukan Hasil

6.4.1 Terimaan Bukan Hasil berjumlah sebanyak RM27,147,900 telah disasarkan dapat dikutip pada tahun 2017 seperti pecahan berikut:

Butiran	2016	2017	Tambahan	
	RM	RM	RM	%
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000	-	-
Sumbangan Bantu Kadar	1,705,600	1,840,600	135,000	7.92
Pulangan Balik Perbelanjaan	1,907,300	1,907,300	-	-
